



Jongkong Emas Pertama  
Negeri Kelantan

5



Perbadanan Sabah Lakukan  
Kunjungan ke Kelantan

6



PKINK Anjur Kursus Pengurusan  
Transaksi Pemiagaan

7




Golongan Armalah & Fakir  
Miskin Terima Bantuan

8



Sambutan Majlis Perayaan Hari  
Malaysia dan Jamuan Malaysia  
Raya Peringkat Negeri

9



KSP Pantau Projek

# RMK9 Kelantan





## SIDANG EDITOR

### PENAUNG

Hj. Mohd Sabri b. Abdullah  
Ketua Eksekutif

### KETUA EDITOR

Hj. Mohd Adilan b. Mat Jusoh  
Pengurus Pengurusan Sumber Manusia

### TIMBALAN KETUA EDITOR

Mohd Roslan b. Mohd Zain  
Penolong Pengurus Pengurusan  
Sumber Manusia

### SIDANG EDITORIAL

Tengku Petra Tengku Wook  
Pn. Sofia Aizan bt. Che Soh  
Pn. Zakiah bt. Mohamed  
Pn. Hawa bt. M. Salleh  
Ramli b. Hamzah

### FOTOGRAFI

Tengku Petra Tengku Wook

### PENERBITAN

Unit Perhubungan Korporat  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri  
Kelantan

Tingkat 8-11, Bangunan PKINK  
Jalan Tengku Maharani,  
15710 Kota Bharu,  
Kelantan

Tel: 09-7414141

Fax: 09-7414069

### PERCETAKAN

Dian Darulnaim Sdn. Bhd.



## Selembar Amanat

Dari meja Ketua Editor

**A**lhamdulillah, setiap detik dan saat kita perlu mempersembahkan rasa syukur kepada Allah SWT atas segala nikmat yang telah dianugerahkan. Bersyukur dalam erti kata yang tulus dan dalam. Saya ingin menarik perhatian seluruh anggota PKINK terhadap madrasah Ramadhan yang hadir sekali dalam setahun. Ia adalah satu medan untuk memperbaiki diri dan mempertingkatkan kualiti jiwa. Bukan dari aspek rohani semata-mata, malah dari aspek kompetensi dan integriti. Kerana amalan berpuasa telahpun dibatasi dengan pantang larang yang ketat. Di situ, wujudnya elemen tarbiyah yang tinggi ke atas jiwa seorang muslim.

Mengikut riwayat Imam Ahmad dan an-Nasai daripada Abi Hurairah r.a sabda Rasulullah s.a.w: **"Puasa merupakan perisai"**. Dan daripada Usman bin Abi al-As, **"Puasa merupakan perisai daripada neraka seperti perisai seseorang daripada kamu pada masa peperangan selama mana ia tidak mengoyaknya dengan berdusta atau mengumpat"**. Al-Baihaqi meriwayatkan daripada Usman bin Abi al-As, puasa merupakan perisai daripada azab Allah.

Perisai yang dimaksudkan ini hanya terbangun apabila seorang yang berpuasa itu menjaga pantang larang serta disiplin sewaktu berpuasa. Dengan menjaga anggota tubuh badan dari melakukan maksiat, serta mengawal pancaindera daripada medekati dosa, maka itulah syarat utama untuk mendapat perlindungan daripada api neraka. Mereka yang menjaga disiplin ini dalam kehidupan bekerjaya akan pasti menjadi seorang pekerja ataupun majikan yang dihormati.

Al-Dailami meriwayatkan daripada Ibn Umar katanya: "Diam orang puasa merupakan tasbih, tidurnya adalah ibadat, doanya mustajab dan amalannya digandakan". Ini juga memperlihatkan bagaimana puasa mampu mengawal lisan dan perilaku seseorang muslim. Ia membantu seseorang membina karekter dan peribadi yang lebih mesra dan sejahtera. Bukan menjadi punca perbalahan atau batu api di dalam agensi.

Kita sering merujuk buku-buku motivasi barat dalam membina karekter seorang pekerja yang cekap. Kita sering bertanya kepada pandangan manusia dalam hal-hal pengurusan. Namun, kita lupa bahawa Allah SWT telah memberikan satu method tarbiyah yang cukup efektif dalam melahirkan watak berkualiti. Menerusi Ramadhan dan juga ibadat di dalamnya, ia cukup berkesan untuk membina jatidiri dan integriti seandainya dihayati dengan baik. Malangnya, tidak ramai yang bersungguh-sungguh dalam menghayati falsafah Ramadhan.

Imam Ahmad, al-Tirmidzi dan al-Baihaqi meriwayatkan daripada Ummi Imarah: "Sesungguhnya orang yang berpuasa apabila makan sentiasalah malaikat berselawat keatasnya sehingga selesai makanannya". Sudah terang lagi bersuluh, kelebihan itu tidak terhenti sewaktu berpuasa semata-mata malah ketika berbuka juga kita diberi pahala oleh Allah SWT.

Inilah peluang yang diberikan oleh Allah SWT kepada setiap hambanya untuk menjadi manusia yang lebih baik. Sesungguhnya kita bertuah menjadi umat Muhammad SAW kerana hidup bersyariatkan Islam yang syumul dan komprehensif. Semoga kita akan mampu menghayati Ramadhan dengan sebaik-baiknya pada tahun ini dan tahun mendatang. Insha Allah.

Sekian, terima kasih.

**HJ MOHD ADILAN BIN MAT JUSOH**

Pengurus Pengurusan Sumber Manusia  
PKINK





# SEPINTAS LALU



- 2** Sidang Editor & Dari Meja Ketua Editor
- 4** KSP Pantau Projek RMK9 Negeri Kelantan
- 5** Jongkong Emas Pertama Kelantan
- 6** Perbadanan Sabah Lakukan Kunjungan Ke Kelantan
- 7** PKINK Anjur Kursus Pengurusan Transaksi Perniagaan
- 8** Golongan Armalah dan Fakir Miskin Terima Bantuan
- 9** Sambutan Majlis Perayaan Hari Malaysia dan Jamuan Malaysia Raya Peringkat Negeri
- 10** Derma Pada Bulan Ramadhan Menjadi Amalan KTC
- 11** Iktikaf Ramadhan Penyucian Jiwa
- 12** Berita Bergambar
- 14** Mesyuarat Agung PKINK Kali Ke-29
- 15** Majlis Persaraan Anggota PKINK
- 16** Kejohanan Sukan Perpaduan (SUKPA) KSK PKINK Bermula
- 17** Laungan Azan Iringi Detik 12 Malam
- 18** Majlis Qiamullail Di Surau PKINK
- 18** KSK PKINK Terus Agih Sumbangan
- 19** Sumbangan Hari Raya Untuk Balu Dan Anak-anak Kurang Upaya Anggota PKINK
- 19** Warga Tua Terus Dirai
- 20** PKINK Terus Hulur Sumbangan Aidilfitri
- 21** Qaryah Ramadhan Penyeri Bulan Ramadhan
- 22** Mencari Yang Halal Itu Fardhu
- 23** Orang Yang Miskin Jiwa







# KSP Pantau Projek RMK9 Negeri Kelantan

Oleh: Nik Nurul Atikah Nik Mahmud

**KOTA BHARU-** Peruntukan Kementerian Kewangan yang diagihkan kepada PKINK dibawah Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK9) ternyata tidak sia-sia apabila projek-projek yang dirancang dan dilaksanakan di negeri Kelantan memperlihatkan perkembangan yang memberansangkan.

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek-projek tersebut, satu lawatan kerja telah dilakukan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) YBhg Tan Sri Dr Wan Abd Aziz Wan Abdullah bersama pegawai-pegawai kanan Kementerian Kewangan pada 17 hingga 19 September lalu. Turut serta dalam lawatan tersebut ialah Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Negeri Kelantan.

Selain daripada memantau projek-projek yang dilaksanakan, lawatan KSP itu juga bertujuan untuk mengenalpasti peluang-peluang dan potensi projek berkaitan yang boleh dibangunkan selaras dengan peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian dibawah RMK9.

Antara tapak-tapak projek PKINK yang dilawati ialah projek Terminal Ikan Tok Bali, Pasir Puteh dan tapak projek Medan Ikan Bakar yang terletak di Kampung Siti Mani, Kuala Besar.


Ketibaan KSP dan rombongan telah disambut oleh Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan



(PKINK), Tuan Hj Mohd Sabri Abdullah, Timbalan Ketua Eksekutif PKINK, En. Zainal Ab. Rahim, pengurus-pengurus Bahagian Perancangan Korporat, Bahagian Pembangunan Usahawan dan Bahagian Projek dan Hartanah serta pegawai-pegawai PKINK yang lain.

Menurut YBhg Tan Sri KSP, projek-projek yang telah dirancang mempunyai potensi untuk dibangunkan dengan lebih giat lagi apabila dilihat

kepada prospek masa depan. Peruntukan yang besar dan pemantapan agensi pelaksana mestilah direalisasikan segera bersesuaian dengan projek yang dilaksanakan.

Dengan terlaksananya projek-projek berkenaan, PKINK sebagai entiti pelaksana pembangunan kerajaan, telah berjaya memainkan peranannya bagi memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan berjalan lancar dan menyumbang kepada pembangunan negeri Kelantan. 







# Jongkong Emas Pertama Kelantan

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

**TANAH MERAH-** Buat pertama kali dalam sejarah, Kelantan berjaya mengeluarkan jongkong emas pertama yang diusahakan dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan sebuah syarikat antarabangsa, CNMC Goldmine Limited melalui kilang memproses emas di Sokor dekat sini pada 22 Julai lalu.

Majlis yang bersejarah itu disaksikan Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abd Aziz Nik Mat, Ketua Eksekutif PKINK Mohd Sabri Abdullah dan Pengerusi Eksekutif CNMC Profesor Lin Xiang Xiong serta Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan, Perdagangan dan Perpaduan Masyarakat Datuk Anuar Tan Abdullah dan Adun Gual Ipoh, Wan Yusoff Wan Mustafa.

Jongkong emas seberat 2.975 kilogram yang dianggarkan bernilai RM400,000 itu dihasilkan di dalam tanah seluas 975 hektar sejak enam tahun lalu.



Menurut Lin Xiang Xiong, jongkong emas tersebut diproses terus di kilang yang beroperasi berhampiran dengan lombong emas di kawasan itu dan mensasarkan


pengeluaran dapat dicapai 300 hingga 500 kilogram emas pada setiap tahun berdasarkan potensinya.

Pihaknya telah memulakan usaha hampir enam tahun dan negeri ini telah mengeluarkan emas sejak berpuluh tahun lalu tetapi ini kali pertama emas tersebut diproses dalam bentuk jongkong untuk memudahkan pemasarannya.

"Kawasan ini telah dipajak daripada Kerajaan Kelantan dan kita perlu membayar royalti sebanyak lima peratus kepada Kerajaan Negeri dan tiga peratus kepada PKINK untuk setiap pengeluaran," katanya.

Sementara itu, Mohd Sabri Abdullah menjelaskan, PKINK telah dilantik oleh Kerajaan Negeri untuk menguruskan kawasan tersebut dan PKINK hanya terlibat dalam memantau penggunaan kawasan yang telah diperuntukkan.

"Kita yakin dengan usaha yang dijalankan ini untuk mengeluarkan dan memproses hasil bumi ini adalah untuk dimanfaatkan oleh semua rakyat.

"Bagi memastikan syarikat ini mengikut kehendak kerajaan, PKINK telah menempatkan pegawai untuk memantau operasi pengeluaran disamping kawal selia oleh Jabatan Alam Sekitar agar hutan di sekeliling kawasan perlombongan tidak dicemari dan dicerobohi," katanya lagi. 







# Perbadanan Sabah lakukan kunjungan ke Kelantan

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

**KOTA BHARU** – Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCA), Maisuri Besri bersama 30 anggotanya telah melakukan lawatan muhibbah ke Kelantan dan kunjungan kerja ke Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) pada 16 hingga 19 Julai lalu.

Lawatan muhibbah tersebut bertujuan bagi mengenali negeri Kelantan dengan lebih dekat di samping mendalami pengetahuan tentang aspek-aspek pentadbiran dan pengurusan yang dijalankan oleh PKINK.

Sementara itu, Encik Maisuri ketika menyampaikan ucapan berkata, objektif utama lawatan tersebut adalah untuk mengetahui tentang aspek-aspek pentadbiran dan pengurusan yang dijalankan oleh pihak PKINK serta mengambil pengalaman cara mentadbir dan mengurus jabatan yang telah dan dalam proses pelaksanaan oleh pihak PKINK.

“Peluang dan kesempatan sempena lawatan ini diambil sebaik mungkin untuk mendedahkan anggota dengan kaedah yang dilakukan oleh PKINK untuk menonjolkan



anggota yang berkualiti di Perbadanan ini, dan jika sesuai ia akan diaplikasikan bagi memantapkan lagi sistem pengurusan di SEDCA nanti”, tambahnya lagi.

Menurut Pengurus Bahagian Perancangan Korporat Nik Farzimar Nik Omar ketika taklimat berkata, banyak perkara yang berjaya dalam pentadbiran adalah kerana adanya toleransi antara anggota dan pihak pengurusan PKINK dalam menjalankan tanggungjawabnya dalam menerajui pembangunan ekonomi negeri dengan lebih berkesan.

Sepanjang lawatan muhibbah ini, rombongan telah dibawa melawat ke beberapa tempat menarik dan bersejarah di Kelantan antaranya Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra Rantau Panjang, Tokong Buddha di Tumpat, istana-istana di Kelantan dan zon kebudayaan. Rombongan juga dibawa membeli belah di kawasan bebas cukai Rantau Panjang dan Pasar Borong Wakaf Che Yeh serta lain-lain tempat utama.

Rombongan juga diraikan dengan perlawanan boling persahabatan yang dimenangi oleh PKINK selain disajikan dengan persembahan kebudayaan yang menampilkan kumpulan Simfoni Pak Simpul pada jamuan makan pada sebelah malamnya.



“PKINK juga berharap dengan lawatan ini akan dapat menjadi platform yang baik untuk saling mengenali antara kedua-dua perbadanan di samping masing-masing dapat menimba input dan bertukar-tukar maklumat”, kata Ketua Eksekutif PKINK, Hj. Mohd Sabri Abdullah ketika berucap pada majlis makan malam tersebut.

Selama empat hari berada di Kelantan, rombongan melahirkan rasa penghargaan kepada PKINK yang begitu cakna dalam meraikannya dan berharap ia dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.







# PKINK Anjur Kursus Pengurusan Transaksi Perniagaan


Oleh: Nik Nurul Atikah Nik Mahmud

**KOTA BHARU**- Dalam usaha melaksanakan amanah menguruskan syarikat dan aset rakyat dan negeri, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah mengambil inisiatif menganjurkan seminar "One Day Workshop On Mastering Step-By-Step Process For Successful Mergers and Acquisition For Value Creation" pada 28 Julai lalu.

Seminar sehari itu bertujuan memberi pendedahan kepada para pegawai PKINK dan anak-anak syarikatnya sebagai langkah strategik ke arah meningkatkan ilmu dan kemahiran strategi korporatnya. Di samping dapat membantu usaha kerajaan negeri melipat gandakan hasil pendapatan negeri melalui penjana ekonomi yang mapan dan berdaya saing, kursus tersebut juga dapat membantu para pengurus menguruskan aset kekayaan berlandaskan kehendak syarak dan prinsip akhlak yang mulia.



"Kejayaan penggabungan dan pengambilalihan boleh berjaya bukan semata-mata kerana teknik dan bentuk penggabungan itu, malah kepada niat dan tujuannya. Jika niat dan tujuannya untuk membolehkan pihak tertentu mengambil kesempatan mengaut keuntungan, sudah tentu ia kemudiannya berakibat negatif", kata Exco Kerajaan Negeri Kelantan, YB Dato Hj Husam Musa dalam ucapannya ketika merasmikan seminar tersebut yang berlangsung di Bilik Operasi, Tingkat 10, Bangunan PKINK.

Seminar anjuran PKINK dengan kerjasama Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dan AAA Associates itu turut dihadiri oleh Ketua Eksekutif PKINK Hj Mohd Sabri Abdullah, Pengarah Pogram AAA Consulting Sdn Bhd Ahmad Naim Jaapar dan Mr. Jacque Pickering dari Pickering Firm selaku moderator kursus. 







# Golongan Armalah dan Fakir Miskin Terima Bantuan

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

**KOTA BHARU** – Hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Kelantan sebagai sebuah negeri berkeadilan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan, Institusi Masjid dan juga Badan Pertubuhan Bukan Kerajaan.

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) sekali lagi merealisasikan saranan Kerajaan Negeri dengan menyumbang sebanyak RM30,000 untuk diagihkan kepada golongan armalah dan fakir miskin yang memerlukan.

Seramai 300 penerima telah menerima sumbangan yang disampaikan oleh Ketua Eksekutif PKINK, Hj Mohd Sabri Abdullah dalam satu majlis yang diadakan di khemah tarawikh, Qaryah Ramadhan pada 1 September lalu.

Mohd Sabri dalam ucapannya berkata, penerima yang terpilih ialah daripada kalangan mereka yang berada dibawah paras kemiskinan dan memerlukan bantuan.

“PKINK sentiasa memberi perhatian ke atas golongan ini dan pelbagai usaha telah diambil termasuk memperkenalkan pelbagai program kebajikan semata-mata untuk membantu golongan tersebut menerima bantuan yang sewajarnya yang akan diadakan dari semasa ke semasa.

“Sumbangan RM100 yang diagihkan kepada setiap penerima tidak banyak jika dibandingkan dengan harga barangan yang tinggi, namun diharapkan dapat memberi



sedikit kegembiraan kepada penerima bagi meringankan beban terutama sebagai persediaan untuk menyambut hari raya”, katanya.

Jelasnya lagi, sebagai sebuah jabatan yang menggunakan dasar Islam, kita sentiasa mewujudkan pelbagai program kebajikan untuk turut dikecapi rakyat tanpa mengira fahaman, agama dan bangsa.

Majlis ini juga melibatkan kaum cina dan india serta tidak ketinggalan juga kaum siam yang turut menerima sumbangan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan, YB Dato' Haji Takiyuddin Hassan, Dato' Yang Di-Pertua MPKB-BRI dan pegawai-pegawai PKINK.







# Sambutan Majlis Perayaan Hari Malaysia dan Jamuan Malaysia Raya Peringkat Negeri


Oleh : Tuan Hissam Tuan Mamat

**TANAH MERAH** – Majlis Perayaan Hari Malaysia dan Jamuan Malaysia Raya Peringkat Negeri Kelantan buat pertama kalinya telah diadakan di Padang Majlis Daerah Tanah Merah pada 16 September lalu.

Majlis yang bermula seawal jam 9.00 pagi telah dihadiri oleh tetamu kehormat yang terdiri daripada YB Dato' Timbalan Menteri Besar, YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Ketua-Ketua Jajahan dan Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan.



Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) tidak ketinggalan mengambil bahagian dalam majlis sambutan tersebut dengan menghantar seramai 10 peserta yang terdiri daripada pegawai dan anggota. Ketua Eksekutif PKINK juga turut hadir sebagai tetamu kehormat.

Pelbagai acara menarik telah diadakan seperti upacara menaik bendera, deklamasi sajak, persembahan kebudayaan dan juga gerai dari pelbagai jabatan. 





# Derma Pada Bulan Ramadhan Menjadi Amalan KTC

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

**KOTA BHARU:** Orang ramai yang berbuka puasa di Restoran Chantique, Pusat Dagangan Kelantan (KTC) di sini, berpeluang menderma sambil menjamu selera sepanjang Ramadan ini.


Pengurus Besar KTC Rozaimi Mohd. Daud berkata, pihaknya akan mendermakan RM1 daripada setiap jumlah ringgit yang dibelanjakan oleh pengunjung di restoran berkenaan kepada rumah-rumah anak yatim di negeri ini.



"Pendekatan itu adalah untuk memberi peluang kepada orang ramai dan KTC membantu golongan yang kurang bernasib baik sepanjang Ramadan.

"Melalui pendekatan ini, kita menjangka dapat mengumpul sumbangan lebih RM5,000 untuk diagihkan kepada rumah-rumah anak yatim," katanya selepas Majlis Perasmian Promosi Ramadan restoran berkenaan di sini, pada 17 Ogos lalu.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Pengerusi KTC Convention dan Apartment Sdn. Bhd YB Wan Ismail Wan Jusoh, di samping meraikan 40 anak yatim Rumah Anak Yatim Taman Sabariah.

"Walaupun wang itu dalam jumlah yang kecil tetapi ia adalah permulaan kepada penglibatan KTC dalam program khidmat sosial bagi membantu golongan yang memerlukan," tambahnya lagi. 







# Iktikaf Ramadhan Penyucian Jiwa

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

**KOTA BHARU** – “Al-Quran menjelaskan bahawa kefardhuan ibadah puasa dibulan Ramadhan bertujuan untuk mendapatkan ketakwaan kepada Allah swt. Untuk mendapatkan keredhaan dan menggandakan pahala, Umat Islam digalakkan beriktikaf untuk pentarbiahan diri dalam pelbagai aspek meliputi jasmani dan rohani”.

Justeru, bagi menyahut saranan Al-Quran tersebut, Unit Latihan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dengan kerjasama Biro Dakwah Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK telah mengadakan Program Iktikaf Ramadhan di Masjid Pasir Lada, Pasir Hor pada 3 hingga 4 September lalu.

Program yang dimulakan dengan solat isyak dan tarawikh berjemaah itu



**Tujuan program ini diadakan adalah untuk mentarbiahkan diri setiap anggota untuk membina keunggulan rohani dan jasmani bertepatan dengan amalan harian umat Islam kerana di bulan Ramadhan selain daripada amalan yang mendapat ganjaran pahala dari Allah, ia juga boleh dijadikan sebagai satu tabiat yang baik dalam kehidupan harian umat Islam.**



telah dihadiri oleh anggota PKINK, dif-dif jemputan dan jemaah masjid berkenaan.

Pengisian program ini juga dipanjangkan dengan mengadakan zikir senyap dan qiamullail perdana yang diimamkan oleh Ustaz Fuad Abdul Wahab dan disusuli dengan kuliah subuh yang disampaikan oleh Penolong Pengurus Pengurusan Sumber Manusia PKINK, Ustaz A. Ubaidillah Alias.


Tujuan program ini diadakan adalah untuk mentarbiahkan diri setiap anggota untuk membina keunggulan rohani dan jasmani bertepatan dengan amalan harian umat Islam kerana di bulan Ramadhan selain daripada amalan yang mendapat ganjaran pahala dari Allah, ia juga boleh dijadikan sebagai satu tabiat yang baik dalam kehidupan harian umat Islam.

Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran Ketua Eksekutif PKINK, Haji Mohd Sabri Abdullah, Mantan Ketua Eksekutif PKINK dan pemimpin-pemimpin masyarakat setempat.





# Jongkong Emas Pertama Kelantan



# KSP Pantau Projek RMK-9 Negeri Kelantan







# Laungan Azan Iringi Detik 12 Malam



# Perbadanan Sabah lakukan kunjungan ke Kelantan







# Mesyuarat Agung Koperasi PKINK Kali Ke-29

Oleh: Tengku Petra Tengku Wook


**KOTA BHARU** – Mesyuarat Agung Koperasi PKINK Berhad kali ke-29 telah diadakan di Dewan Duyung, Perdana Resort, Pantai Cahaya Bulan pada 24 Julai lalu yang telah dirasmikan oleh Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK Tuan Haji Mohd Sabri Abdullah, juga merangkap Penasihat Koperasi PKINK Berhad.

Turut hadir pada mesyuarat kali ini ialah Tuan Haji Muhamad Sabri bin Wan Harun, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Kelantan dan dihadiri kira-kira 1,200 ahli dari PKINK dan syarikat anak kumpulan PKINK.

Sebelum mesyuarat agong dimulakan, satu seminar bertajuk 'Mengenai Hal Ehwal Koperasi' yang disampaikan oleh Ybhg. Dr. Mohd Asri b. Zainul Abidin telah diadakan.



Seminar tersebut menekankan dalam Islam, betapa perlunya diberi perhatian dan penekanan kepada punca-punca kewangan, sebelum menjadikannya berkembang kepada satu jumlah yang lebih besar. Penyucian tersebutlah yang menjadikan barakah ataupun tidak terhadap rezeki yang kita perolehi.

Bagi memulakan mesyuarat, ahli telah sebulat suara melantik Mohd Rozi Mohd Noor sebagai Pengerusi Mesyuarat. Dalam agenda 9: pemilihan anggota lembaga, mesyuarat telah membuat pilihan Hj. Ahmad Farid Mahmood dan Haji Zazali Jaafar sebagai ahli lembaga pengarah yang baru bagi menggantikan dua ahli lembaga yang tamat tempoh. Mesyuarat juga telah bersetuju dengan penetapan bayaran dividen kepada ahli-ahli atas pelaburan sebanyak 9.5% dan atas saham 10% pada tahun kewangan 2009. 





# Majlis Persaraan Anggota PKINK

Oleh: Tengku Petra Tengku Wook

**KOTA BHARU** – Satu majlis ringkas sempena persaraan anggota PKINK telah diadakan pada 2 Ogos lalu bertempat di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK dan telah dihadiri Ketua Eksekutif PKINK bersama anggota PKINK seramai 120 orang. Pegawai yang diraikan itu ialah Haji Baharuddin Harun Pengurus Galakan Industri dan IKS, Haji Che Yahaya Che Daud berjawatan Juruteknik dan Haji Che Mat Che Hamid, Penolong Pegawai Tadbir.

Menyingkap kembali sumbangan Haji Baharuddin Harun, beliau mula berkhidmat dengan PKINK pada 1 April 1981 sebagai Pegawai Tadbir. Sepanjang berkhidmat dengan PKINK, beliau pernah dipinjamkan kepada beberapa syarikat anak seperti Hotel Perdana Sdn Bhd selama 2 tahun mulai 1986, ke Syarikat Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn Bhd mulai 1 Februari 1988 hingga 1 Julai 1992 dan Syarikat Kelbina Holding Bhd pada 1 April 1996 hingga 1 Oktober 1998. Jawatan Pengurus yang pernah disandang di PKINK ialah Pengurus Sumber Manusia dan Pengurus Galakan Industri dan IKS mulai 1 Januari 2003 sehingga tamat perkhidmatannya pada 2 September 2010. Beliau telah berkhidmat dengan PKINK selama 30 tahun.



Manakala Haji Che Yahaya Che Daud mula berkhidmat dengan PKINK pada 1 Januari 1981, selepas berkhidmat dengan Kementerian Pertahanan pada 3 Februari 1975. Bermula di PKINK sebagai Pelukis Plan dan dinaikkan pangkat sebagai Juruteknik J22 mulai tahun 1 Januari 2002. Sepanjang perkhidmatannya dengan PKINK selama 29 tahun, beliau pernah dipinjamkan ke beberapa syarikat anak seperti Prokel Management Services Sdn Bhd, Kelbina Holding bhd dan Sinaran Pantai Timur Consortium Bhd. Beliau telah bersara wajib pada 2 Ogos 2010.

Bermula di Jabatan Hasil Dalam Negeri, Haji Che Mat Che Hamid mula berkhidmat dengan PKINK mulai 16 September 1980 sebagai Pegawai Kerja dan dinaikkan pangkat ke Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 pada 1 Januari 2002. Sepanjang perkhidmatan dengan PKINK, beliau pernah di pinjamkan kepada syarikat anak seperti Kelkon Sdn Bhd, Binaraya PKINK Sdn Bhd, Kelbina Holding Bhd dan Profil Impian Sdn Bhd. Beliau telah memilih untuk bersara awal di usia 57 tahun setelah berkhidmat dengan PKINK selama 30 tahun.





# Kejohanan Sukan Perpaduan (SUKPA) KSK PKINK Bermula

Oleh: Tengku Petra Tengku Wook

**KOTA BHARU**- Kejohanan Sukan Perpaduan (SUKPA) yang sudah menjadi kelaziman PKINK telah pun bermula 10 Oktober lalu dengan mempamerkan acara futsal sebagai pembuka tirai bagi kejohanan tersebut.

Kejohanan yang telah berlangsung di Gelanggang Arena Futsal, Pengkalan Chepa itu bertujuan mengeratkan perpaduan disamping mewujudkan semangat kekitaan dan bekerjasama antara ahli-ahli Kelab Sukan dan Kebajikan (KSK) PKINK dengan moto "KECERIAAN BERSUKAN ERAT PERPADUAN"

Selain mewujudkan semangat kekitaan dan kerjasama dikalangan ahli, bersukan juga merupakan salah satu cara untuk mengekalkan kesihatan dan ini adalah amat penting untuk individu dan organisasi. Pembentukan pasukan adalah terdiri daripada Pasukan Ibu Pejabat A, Pasukan Ibu Pejabat B, Pasukan PKB A, Pasukan PKB B, dan Pasukan Hartanah.

Perlawanan futsal yang telah berlangsung memperlihatkan pasukan Hartanah muncul johan manakala Pasukan Ibu Pejabat B berjaya merangkul johan dalam perlawanan bola tampar, dan acara boling wanita diungguli oleh Pasukan PKB B yang telah diadakan serentak pada 17 Julai.



Dalam acara kerom yang diadakan pada 31 Julai pula menyaksikan Pasukan Ibu Pejabat A muncul johan, manakala dalam acara kerom wanita pula dimenangi oleh Pasukan Ibu Pejabat B selaku johan.

Kejohanan SUKPA dijangka akan berakhir bulan Disember 2010, dan akan disusuli pula dengan acara-acara individu yang terbuka kepada ahli-ahli KSK yang berminat.







# Laungan Azan Iringi Detik 12 Malam

Oleh : Tuan Hissam Bin Tuan Mamat

**KOTA BHARU-** Kerajaan Kelantan membuat kelainan dalam menyambut Ambang Merdeka yang telah diadakan pada 31 Ogos lalu dengan mengetengahkan program-program berunsurkan keagamaan tanpa persembahan bunga api dan nyanyian.

Program bermula dengan majlis khatam al Quran seramai 3,500 peserta dan Iftor Perdana yang diadakan selepas solat asar di Qaryah Ramadhan, Dataran Stadium Sultan Muhammad ke IV. Seterusnya majlis berbuka puasa perdana di dalam stadium yang diketuai Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abd Aziz Nik Mat.

Ribuan hadir pada program tersebut termasuk Timbalan Menteri Besar, Dato' Ahmad Yakob, anggota-anggota Exco, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Setia Raja Haji Mohd Aiseri Alias, Speaker Dun, Dato' Nasaruddin Daud dan seluruh pimpinan kerajaan negeri, pegawai-pegawai serta anggota kerajaan negeri termasuk anggota kumpulan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK).



Kelainan yang dapat disaksikan apabila solat isyak dan hajat diimamkan pegawai tentera yang lengkap berpakaian seragam dari Kem 8 Briged Pengkalan Chepa, Mejar Mohd Shukor Said. Di tempat yang sama juga turut diadakan solat terawih yang diimamkan Syeikh Ahmad Rejab Yasin dari Mesir.

Selepas itu program diteruskan dengan forum kemerdekaan yang bertajuk "Ramadhan ke Arah Menghayati Kemerdekaan Sejati" yang dimoderator oleh pendakwah bebas, Ust. Kamal Ashaari.

Para hadirin turut dihidangkan dengan acara deklamasi sajak oleh adik Mohd Nor Aiman Azmi, 13 yang pernah mewakili Malaysia mendeklamasi sajak di Bangkok ketika berusia 9 tahun semasa menyertai

pesta puisi Asean.

Kemudian diadakan pula pementasan pentomen oleh kumpulan penggiat seni dari Majlis Kebudayaan Negeri Kelantan yang bertajuk Suatu Ketika Dahulu, arahan Zed Zaidin yang memaparkan Negara ketika di bawah penjajah sehingga mencapai kemerdekaan.

Secara keseluruhan sambutan ambang merdeka pada tahun ini disambut dalam suasana penuh kesederhanaan dengan kemuncaknya acara penyerahan jalur gemilang daripada anggota tentera Rejimen Askar Melayu Diraja kepada Menteri Besar di pentas utama. Sekali lagi kelainan dapat disaksikan apabila tepat detik 12 malam, laungan azan dikumandangkan, suasana sayu tanpa bingik letupan bunga api sebagaimana di negeri lain kemudian diikuti nyanyian lagu Negaraku.






# Majlis Qiamullail Di Surau PKINK

Oleh: Tengku Petra Tengku Wook

**KOTA BHARU-** Sempena menyambut Ramadhan Al-Mubarak, PKINK telah menganjurkan program Qiamullail peringkat Kumpulan PKINK bertempat di Surau PKINK pada 6 Ogos lalu yang telah dihadiri oleh 35 anggota lelaki dan wanita.

Program bermula seawal jam 7.00 petang itu dimulai dengan solat Maghrib berjemaah, diikuti kuliah maghrib dan penerangan program Qiamullail. Selapas solat Isyak, jemaah bebas mempersiapkan diri untuk bangun malam yang dijadualkan bermula jam 3.30 pagi dan berakhir dengan Kuliah Subuh kira-kira jam 7.30 pagi.

Program Qiamullail tersebut dipimpin Ustaz Fuad Ab. Wahab dari Pondok Pasir Tumbuh, Kota Bharu, Kelantan. 



## KSK PKINK Agih Sumbangan

Oleh: Nik Nurul Atikah Nik Mahmud




**KOTA BHARU-** Sudah menjadi tradisi PKINK untuk terus membantu meringankan beban kepada anggota PKINK dan anggota syarikat anak PKINK yang terpilih untuk menerima sumbangan zakat pada bulan Ramadhan yang lalu.

Baru-baru ini, seramai 30 anggota menerima sumbangan zakat yang disampaikan oleh Timbalan Pengerusi Kelab Sukan dan Kebajikan (KSK) En. Ismail Shauki Ibrahim bertempat di Bilik Operasi Tingkat 11, Bangunan PKINK.

Sumbangan zakat berbentuk wang tunai itu turut dihadiri oleh pegawai dan ahli-ahli KSK yang terlibat.

Selain itu pada 3 September lalu, PKINK turut mengadakan majlis berbuka puasa di surau yang disenaraikan terpilih untuk menerima sumbangan aidilfitri. Majlis berbuka puasa bersama masyarakat setempat itu dimeriahkan dengan kehadiran Adun kawasan Pengkalan Pasir iaitu YB Hj. Hanifa Ahmad.

Majlis yang bermula dengan tazkirah yang disampaikan oleh Penolong Pengurus Sumber Manusia, Ustaz A. Ubaidillah Alias itu bukan sahaja bertujuan sebagai tanggungjawab sosial PKINK semata-mata tetapi untuk mendekatkan PKINK dengan masyarakat setempat amnya. 






# Sumbangan Hari Raya Untuk Balu Dan Anak-anak Kurang Upaya Anggota PKINK

Oleh: Tengku Petra Tengku Wook

**KOTA BHARU-** Seramai 3 balu anggota dan 10 anak kurang upaya dikalangan anggota PKINK telah menerima sumbangan hari raya yang disampaikan sendiri oleh Ketua Eksekutif PKINK Tuan Hj. Mohd Sabri Abdullah dalam majlis yang ringkas bertempat di Bilik Operasi, Bangunan PKINK pada 30 Ogos lalu.

Program penyampaian sumbangan kepada balu-balu anggota sokongan yang tidak bekerja dan anak-anak kurang upaya anggota PKINK itu telah dilaksanakan PKINK sebagaimana tahun-tahun lepas seperti kelazimannya.

Sumbangan berupa wang tunai sebanyak RM300 seorang kepada balu anggota dan RM150 seorang kepada anak-anak kurang upaya itu adalah bagi meringankan perbelanjaan menjelang Aidilfitri supaya mereka dapat meraikan hari raya dengan lebih bermakna. 



## Warga Tua Dirai


Oleh Nuradznida Hanim Ismail

**KOTA BHARU-** Sebagai agensi kerajaan negeri yang mementingkan kebajikan rakyat, pihak pengurusan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah mengorak langkah ke arah menyokong seruan kerajaan yang ingin menjadikan Kelantan sebagai negeri berkeadilan.

Justeru, PKINK sekali lagi menunaikan tanggungjawab sosialnya dalam memberi sumbangan kepada Rumah Orang Tua Seri Kenangan menjelang aidilfitri nanti.

Sumbangan yang berbentuk kurma, kain pelikat untuk penghuni lelaki dan telekung solat untuk penghuni wanita itu telah disampaikan oleh Ketua Eksekutif PKINK, Tn. Hj. Mohd Sabri Abdullah di Dewan Makan Rumah Seri Kenangan Taman Kemumin kepada semua penghuni tersebut pada 1 September yang lalu.

Menurut pihak pengurusan Rumah Seri Kenangan, pihaknya amat berbesar hati menerima sumbangan yang duhulurkan oleh pihak PKINK.

Bagi pihak Pengurusan PKINK pula, sumbangan ini diharap dapat mengurangkan kesedihan yang dialami oleh warga tua tersebut untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri tanpa keluarga tersayang. 





# PKINK Hulur Sumbangan Aidilfitri

Oleh: Nuradznida Hanim Ismail

**KOTA BHARU**- Sempena Syawal yang bakal menjelma, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah menghulurkan sumbangan berupa wang tunai kepada Rumah anak yatim (Pekayatim) Pengkalan Chepa.

Majlis penyampaian telah diadakan di pejabat Pekayatim, Desa Rahmat pada 1 September lalu dan disampaikan oleh Penolong Pengurus Sumber Manusia Mohd. Roslan Mohd. Zain kepada wakil pengurusan Pekayatim dalam majlis penyampaian yang cukup ringkas.

Program ini merupakan sebahagian daripada Program CSR PKINK yang dilaksanakan melalui Biro Kebajikan Kelab Sukan & Kebajikan PKINK dengan kerjasama Unit Perhubungan Korporat Bahagian Pengurusan Sumber Manusia PKINK.


Pihak pengurusan Pekayatim merakamkan ucapan terima kasih dan sangat berbesar hati menerima sumbangan yang cukup bermakna ini untuk keperluan harian anak yatim.



Menurut Pengurusan PKINK, walaupun sumbangan tersebut tidak terlalu besar nilainya, namun diharapkan dapat memberi semangat dan harapan yang baru kepada anak yatim untuk meraikan Hari Raya Aidilfitri pada kali ini.

Sementara itu di Bachok pula, pihak pengurusan Maahad Tahfiz AL-Quran Al-Ikhlas turut menerima sumbangan yang juga berbentuk wang tunai dari wakil pihak pengurusan PKINK, Pn. Sofia Aizan Che Soh.

Menurut pihak pengurusan PKINK, sumbangan ini merupakan salah satu cara untuk membantu pelajar dan Maahad Tahfiz itu sendiri terutamanya dari segi pembangunan pendidikan dalam memberi keselesaan untuk proses pembelajaran.

Pihak pengurusan Maahad Tahfiz juga amat berbesar hati dan mengucapkan ribuan terima kasih di atas sumbangan yang diberikan. 





100-100-100-1

172-16-0-1

admin

fw@

# Qaryah Ramadhan

## Penyeri Bulan Ramadhan

Oleh: Tuan Hissam Bin Tuan Mamat

**KOTA BHARU** – Setiap malam solat terawih di Qaryah Ramadhan disini menyaksikan khemah solat penuh dengan para jemaah yang seperti ternanti-nanti untuk bersama mengimarahkannya sempena program Ihya' Ramadhan di Kelantan bagi tahun 1431 Hijrah yang telah dirasmikan oleh Tuan Guru Datuk Menteri Besar Kelantan pada 3 Ramadhan lalu.

Program Ihya' Ramadhan di Negeri Serambi Mekah adalah anjuran Kerajaan Negeri Kelantan dan dihoskan oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) dengan kerjasama beberapa Agensi Kerajaan Negeri termasuk Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK).

Dua orang Imam dari Mesir telah dijemput untuk mengimamkan solat di Qaryah Ramadhan iaitu Syeikh Rejab Saad Yaasin dan Syeikh Ahmad Ramadhan Ayyab Muosa yang menjadi Imam kedua.

Khemah solat tahun ini diperbesarkan lagi bagi menampung 3,000 jemaah dalam satu masa manakala lebih 5,000 jemaah ketika adanya acara-acara besar yang berlangsung di Qaryah Ramadhan.


Beberapa acara besar telah diadakan di Qaryah Ramadhan disamping acara-acara rutin iaitu Majlis Tilawah Al-Quran antara Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan



(PBT) yang telah diadakan pada 4 hingga 7 Ramadhan.

Majlis Khatam Al-Quran yang melibatkan 3,000 peserta juga telah berlangsung dengan jayanya pada 20 Ramadhan.

Manakala pada malam ambang kemerdekaan telah diadakan Majlis Bacaan 1,000 Yaasin disamping forum Badar Qubra, persembahan nasyid dan persembahan pantomin.

Dalam masa sama, Kerajaan juga menggiatkan promosi program Qaryah Ramadhan yang berpusat di dataran Stadium Sultan Muhammad Ke-IV sebagai pakej pelancongan agama yang menarik penduduk luar Kelantan menyambut puasa di negeri ini. 







# Mencari Yang Halal Itu Fardhu

Oleh A. Ubaidillah Alias

**ISLAM** itu agama yang mudah, tetapi jangan sampai diambil mudah. Islam itu agama yang sejahtera, tiada satu ajaran Islam yang bertujuan membawa kepada kebinasaan. Malah maksud Islam itu sendiri bererti sejahtera. Ini bermakna, setiap suruhan Islam akan menatijahkan kebaikan. Setiap larangan Islam akan menjauhkan diri manusia daripada kerosakan.

Datuk nenek kita yang hidup zaman awal merdeka, susah cari makan. Nak simpan makanan di rumah pun belum tentu mampu. Tetapi, sumber rezeki mereka bersih. Tiada makanan dalam tin, tiada pengawet yang syubahat, semuanya asli dan suci. Berbeza dengan sekarang, sana-sini makanan boleh dicari. Serba-serbi ada, tetapi serba-serbi ada bahan kimia dan pengawet. Semua benda syubahat. Situasi ini amat membahayakan kepada kesihatan tubuh dan iman seorang muslim.

Nabi SAW bersabda *"Setiap daging yang tumbuh daripada sumber yang haram, maka selayaknya ia menjadi bahan bakar api neraka"* Hadis ini sahih. Matan hadisnya jelas menyatakan bahawa sumber rezeki haram yang mendarah daging akan menyebabkan seseorang itu akan dimasukkan ke dalam neraka. Oleh yang demikian, hidup di zaman ini memerlukan pemerhatian dan keprihatinan yang mendalam terhadap pemilihan makanan.

Sebagai seorang muslim, adalah menjadi kewajiban kita untuk mengambil makanan yang halal lagi baik. Berikut dinyatakan sebab-sebab mengapa kita dituntut untuk makan makanan yang halal.

## PERINTAH ALLAH

Sebab utama mengapa perlu memakan makanan yang halal ialah kerana memang itu sudah diperintahkan Tuhan kepada kita. Di dalam Al-Quran, Allah berfirman maksudnya: *"Wahai sekalian manusia! Makanlah daripada apa yang ada di bumi, yang halal yang baik (halalan tayyiban)"*. (Surah al-Baqarah: 168)

Dalam ayat yang lain, Allah menyatakan: *"Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu"*. (Surah al-Baqarah: 172)

Rasulullah menegaskan juga di dalam sabdanya: *"Mencari yang halal adalah fardhu (wajib) bagi setiap orang Islam."* (Riwayat Dailami)

## DOA MAKBUL

Orang yang makan makanan halal, doanya makbul berbeza dengan orang yang makan makanan haram, terhijab doanya dengan Tuhan. Rasulullah bersabda:

*"Betapa banyaknya orang yang rambutnya kusut-masai, badannya berdebu lantaran terlalu lama dalam pelayaran, makanannya dari yang haram dan pakalannya dari yang haram, dan perutnya dipenuhi dari yang haram, diangkatkan kedua tangannya seraya berdoa: Wahai Tuhan! Wahai Tuhan! Bagaimana boleh Tuhan mengabulkan doanya."* (Riwayat Muslim)

Rasulullah bersabda; *"Baguskanlah makanan engkau nescaya*

*adalah engkau orang yang diperkenankan permintaan."* (Riwayat Thabrani)

## DITERIMA AMALAN

Memakan makanan yang halal akan menjadi sebab amalan diterima. Sebaliknya makanan yang haram itu, membuatkan amalan kita tidak diterima Tuhan. Sabda Rasulullah: *"Demi (Allah) yang diri Muhammad ditanganNya, sesungguhnya seorang hamba yang memasukkan sesuap makanan haram ke dalam perutnya, tiada diterima Allah amal darinya empat puluh hari."* (Riwayat Thabrani)

## MEMAKAN MAKANAN DARI ORANG BERTAQWA

Oleh yang demikian, kita perlu memperbetulkan sumber makanan kebiasaan kita, juga membiasakan makanan yang betul dari segi syarak. Telah dinukilkan oleh Imam Ghazali dalam kitabnya Ihya Ulumuddin, bab Adab Makan, satu hadis bermaksud: *"Hendaklah kamu makan daripada makanan orang yang bertaqwa."* Hadis ini jelas memberitahu kita bahawa apabila kita hendak makan, sebaiknya kita makan makanan yang disediakan oleh orang yang bertaqwa ataupun orang soleh.

Mengapa dianjurkan sebegitu? Ini adalah kerana:

- Makanan itu menjadi berkat kerana tangan orang yang membuatnya itu adalah orang bertaqwa.
- Makanan itu sudah pasti halal, kerana tidak mungkin orang bertaqwa itu menyediakan makanan yang haram atau mendapatkan makanan itu daripada sumber yang haram.
- Makanan itu disediakan dengan menyebut nama Allah. Kebiasaan orang bertaqwa memulakan pekerjaan dengan menyebut nama Allah. Hadis: *"Setiap pekerjaan yang tiada disebut dengan nama Allah, maka hilang berkatnya."*

Sebagai kesimpulan, sewajarnya kita membiasakan kehidupan seharian dengan menu makanan sunnah. Kita perlu mengambil susu kambing, madu, kurma, kismis, buah atau minyak zaitun, habbatus sauda dan sebagainya. Sepatutnya kita melebihi menu atau diet yang sering diamalkan oleh nabi Muhammad SAW. Bukan diet daripada barat. Kerana nabi adalah pemberi syafaat kepada kita di akhirat kelak. Bayangkan kita ini mengaku umat nabi, sedangkan satu jenis makanan sunnah nabi tidak pernah ada di dalam rumah kita. Tidak berasa malukah kita? Na'uzubillah.

Mudah-mudahan, usaha mencari yang halal ini akan dipertingkatkan oleh semua keluarga tidak kira di mana sahaja mereka berada. Selagi mereka adalah seorang muslim, maka mereka wajib mencari yang halal.

Sekian.





# Orang Yang Miskin Jiwa

**TIDAK** kira saya bertugas di mana sahaja, saya ditemukan dengan orang yang berbagai ragam. Ada yang bergaya zahirnya, tetapi miskin akhlaknya. Ada yang nampak sederhana, tetapi jiwanya kaya dengan budi. Ada orang yang separuh-separuh, kadangkala nampak macam okay tetapi ada waktunya tidak berapa okay. Inilah manusia yang sentiasa berubah-ubah. Pepatah melayu ada menyebut, lain padang lain belalang. Apabila bertukar tempat, maka berbeza perangai orangnya. Bukan bermaksud saya jenis yang bagus, malah saya juga ada ragam tersendiri. Maklumlah, saya pun manusia.

Tetapi, apa yang membuatkan saya jadi jengkel apabila ditemukan atau terjumpa dengan orang-orang yang miskin jiwa. Nabi pernah bersabda **"Bukanlah dianggap kaya apabila seseorang itu kaya harta, tetapi kekayaan itu diukur pada jiwa yang merasa kaya (Cukup dengan apa yang ada)"** Hadis ini menceritakan tentang sifat Qana'ah, iaitu merasa cukup dengan apa yang ada.

Rasa 'cukup' di sini bukan bermakna seseorang itu berhenti daripada bekerja kuat atau mencari rezeki lebih. 'Cukup' di sini ialah tidak terhegeh-hegeh dengan rezeki di tangan orang, malah sentiasa berusaha mendapatkan sesuatu dengan tangan sendiri. Cukup di sini bermakna dia berasa mampu untuk berdiri dengan kaki sendiri. Dia tidak perlu bersusah payah berebut atau merampas barang yang berada dalam hak orang lain. Inilah kekayaan jiwa yang sebenar, iaitu yakin pada kemampuan diri sendiri dan tidak merasa goyah dengan nikmat orang lain.

Malangnya, terdapat sesetengah orang yang bekerja makan gaji mempunyai sikap miskin jiwa. Sentiasa merasa tidak cukup dengan kemampuan sendiri. Sentiasa mahu harta orang, harta kerajaan dan harta sesiapa pun. Kalau boleh, semua barang sekelilingnya mahu diambil agar menjadi barang miliknya. Mereka pantang melihat nikmat, pasti mahu berebut dan mengambil nikmat tersebut tanpa memikirkan soal halal, haram ataupun makruh. Adakah anda orang sebegini?



Sebagai contoh, jika diadakan majlis makan secara terbuka, mereka akan terlebih dahulu memastikan makanan mereka cukup. Mereka akan risau jika tiada bahagian makanan untuknya. Mereka tidak kisah soal orang lain, tidak peduli soal cukup atau tidak makanan yang disediakan. Yang penting, dia punya perut mesti cukup. Ini antara sikap yang saya temui di kebanyakan tempat. Ini menunjukkan sikap mereka yang 'merasa tidak cukup' dan menyebabkan mereka berebut-rebut untuk makan sebanyaknya.

Dalam contoh lain, ramai orang yang 'miskin jiwa' akan cuba mengambil harta kerajaan untuk dijadikan miliknya. Kalau dia bekerja di pejabat, maka semua kemudahan pejabat itu cuba dijadikan miliknya. Komputer, kerusi, meja, almari akan cuba di'swasta'kan. Apabila ada pihak lain yang cuba mencero boh, maka dia akan menghalang penceroboh itu seakan-akan menghalang penjajah.

Komputer pejabat sudah menjadi milik peribadinya, kereta pejabat sudah jadi dia yang punya. Kerusi, meja, almari, semua dia yang punya. Padahal dia hanya menumpang sahaja. Kenapa jadi begini? Kerana dia miskin jiwa, semuanya dia rasa tak cukup. Jadi, semuanya dia mahu cukup. Ingat! Semua orang mahu makan sedap-sedap, semua orang mahu kaya raya. Tetapi, makanlah dari usaha duit sendiri. Kayalah dengan cara yang betul.

Orang yang miskin jiwa ini juga ada dikaitkan dengan sifat munafiq, iaitu Nabi menyebut salah satu sifat orang munafiq ialah dia sangat rakus terhadap dunia. Bererti apa sahaja benda yang membawa keuntungan dunia, pasti dia mahu miliki dengan apa cara sekalipun. Akhirnya, dia akan mengabaikan soal hak siapa, dia akan mengabaikan soal halal-haram. Maka, akhirat kelak dia akan termasuk golongan yang diazab oleh Allah. Sungguh kasihan orang begini.

Justeru, demi menyelamatkan diri kita daripada menjadi 'miskin jiwa'. Demi menyelamatkan diri kita daripada menjadi manusia yang munafiq, demi memastikan kita selamat di akhirat, maka sepatutnya kita merasa cukup dengan apa yang ada. Kita mesti berusaha mendapatkan sesuatu dengan cara 'berusaha sendiri'. Bukan dengan cara memanipulasi kemudahan dan harta kerajaan. Mudah-mudahan kita akan termasuk dalam golongan yang kaya jiwanya. Insya' Allah.





# Sekalung Tahniah

KEPADA

## KERAJAAN NEGERI KELANTAN

SEMPENA

20 TAHUN PENTADBIRAN  
MEMBANGUN BERSAMA ISLAM  
“KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN”

PERUMAHAN 3 BILIK | PUSAT PERUBATAN AN-NISA | PAJAK GADAI ISLAM AR-RAHN

DARIPADA



PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

KUMPULAN PKINK

